



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

**BELANJAWAN 2026: Undang-undang dan Institusi
Diperkasa Demi Rakyat – Akses kepada keadilan
dipertingkatkan**

Kuala Lumpur, 11 Oktober 2025 – Belanjawan MADANI 2026 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semalam memperkukuh komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan reformasi institusi dan tadbir urus negara terus menjadi teras kepada pembangunan Malaysia yang mampan, berdaya tahan dan makmur.

Sebagai Belanjawan Rakyat, Belanjawan MADANI 2026 menzahirkan keseimbangan antara disiplin fiskal dan keprihatinan terhadap rakyat — memastikan setiap ringgit dibelanjakan dengan berhemah, berimpak tinggi dan berpaksikan nilai keadilan serta integriti.

Selaras dengan tekad Kerajaan MADANI untuk memastikan akses kepada keadilan untuk semua, Belanjawan 2026 memperuntukkan langkah-langkah penting di bawah Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) termasuk:

- Penubuhan **Mahkamah Bergerak Khas Kanak-Kanak** untuk melindungi emosi dan identiti mereka;
- Naik taraf prasarana kehakiman dan sistem e-Kehakiman untuk mempercepatkan transformasi digital dalam sistem mahkamah, meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kes tertunggak;

- Memperkasa institusi **Parlimen dan Jawatankuasa Pilihan Khas** sebagai semak dan imbang yang lebih berkesan;
- Melaksanakan **pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya** – satu reformasi bersejarah demi mengukuhkan integriti sistem keadilan;
- **Pasukan Reformasi Undang-Undang** yang meneliti semula undang-undang jenayah dan undang-undang kontrak supaya lebih relevan dan adil;
- **Dasar Peluang Kedua *Fast Track*** untuk ibu bapa tunggal, mangsa scam, usahawan kecil yang terkesan – agar mereka bangkit semula dengan bermaruah;
- Bantuan guaman kepada **5,000 ibu tunggal miskin** dan kes melibatkan penjagaan anak serta perceraian melalui RUU Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 yang telah diluluskan di Parlimen pada sidang lalu;
- Pengukuhan penyelesaian pertikaian alternatif (ADR) melalui penubuhan **Pusat Mediasi MADANI Malaysia**, latihan profesional mediasi kepada 200 pegawai kerajaan, serta pembukaan cawangan baharu Asian International Arbitration Centre (AIAC) di Kuching, Sarawak;
- Pembentangan **RUU Antibuli 2025** – melindungi mangsa seraya mendidik masyarakat; dan
- **Kenaikan gaji hakim sehingga 30%** demi menjaga integriti dan kebebasan badan kehakiman setelah 10 tahun tiada kenaikan.

Pemeriksaan institusi undang-undang bukan hanya tertumpu kepada usaha memperkukuh keadilan sosial, namun ia juga merupakan asas penting kepada keyakinan pelabur dan kestabilan ekonomi. Belanjawan ini bukan sekadar kerajaan berbelanja dengan bijak untuk rakyat, namun, pada waktu yang sama memastikan undang-undang dan institusi terus dipercayai dan dihormati.

Belanjawan MADANI 2026 membuktikan bahawa reformasi undang-undang bukan bersifat elitis, tetapi menyentuh kehidupan setiap rakyat — daripada perlindungan kanak-kanak sehingga aspek pendigitalan keadilan, bertepatan dengan falsafah Malaysia MADANI — yang berteraskan nilai Amanah, Daya Cipta, Hormat, Ihsan dan Kesejahteraan — sebagai panduan dalam pelaksanaan dasar undang-undang negara.

Terima kasih YAB Perdana Menteri atas keyakinan dan sokongan terhadap Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dengan peningkatan peruntukan untuk tahun 2026. Kami amat menghargai kepercayaan yang diberikan dan akan memastikan setiap peruntukan dimanfaatkan sebaiknya bagi mencapai matlamat organisasi.

BHEUU, JPM komited untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh integriti, akauntabiliti dan hasil yang memberi impak positif kepada semua pihak demi kesejahteraan rakyat dan negara.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
11 Oktober 2025